

KERTAS PELAPORAN

JAWATANKUASA PEMANDU TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)

**KAJIAN PENGGUNAAN KADEAH
*COMPUTER ASSISTED PERSONAL
INTERVIEW (CAPI)***

**DENGAN MENGGUNAKAN PERANTI
ELEKTRONIK (*TABLET*) BAGI
PUNGUTAN HARGA PENGGUNA (PHP)**

**BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA, PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

NOVEMBER 2015

Kajian Penggunaan Kaedah CAPI Dengan Menggunakan Peranti Elektronik (*tablet*) Bagi Pungutan Harga Pengguna

1. Tajuk kajian

Kajian penggunaan kaedah CAPI (*tablet*) bagi Pungutan Harga Pengguna

1.1 Teras

Strategik 1 : Menyediakan maklumat yang berintegriti dan reliable

1.2 Strategi

Strategi 1 : Memperkasa perkhidmatan statistik dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar

2. Latar belakang

2.1 Pengenalan

Pungutan Harga Pengguna (PHP) merupakan salah satu penyiasatan bulanan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan. Kaedah pungutan harga adalah secara bersemuka secara langsung dengan responden di outlet-outlet terpilih bagi mendapatkan harga barang dan perkhidmatan yang telah ditetapkan. Medium yang digunakan adalah Buku Pungutan Harga Pengguna.

Seiring dengan perkembangan dan kemudahan teknologi terkini, PHP telah dipilih sebagai penyiasatan pertama yang akan menguji kaedah *Computer Assisted Personal Interview* (CAPI) dengan menggunakan peranti elektronik.

Pelaksanaan CAPI bagi PHP telah bermula pada tahun 2013 di JP Negeri Selangor dengan menggunakan *Personal Digital Assistant* (PDA). Dimulakan dengan pilot test pada Januari 2012, JP Negeri Selangor telah berjaya melaksanakan PHP menggunakan PDA untuk keseluruhan buku/*batch* pada Jun 2013.

Dengan peralihan dan perubahan teknologi, Jabatan seterusnya telah menjalankan kajian bagi menggunakan *tablet PC* untuk menggantikan PDA. Penggunaan peranti elektronik iaitu *tablet PC* dalam Pungutan Harga Pengguna dipanjangkan kepada empat (4) JP Negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Johor, Perak dan Pulau Pinang pada tahun 2015.

2.2 Pernyataan masalah (*Problem statement*)

Mengkaji kesan pemodenan kaedah pungutan harga pengguna dengan mengaplikasikan *tablet PC* terhadap produktiviti operasi luar PHP.

3. Objektif kajian

Objektif utama pemodenan kaedah pungutan data dalam Pungutan Harga Pengguna adalah:-

- i. Meningkatkan produktiviti dan proses semasa kerja luar;
- ii. Mengoptimumkan masa dengan menggabungkan proses pungutan data dan tangkapan data di lapangan;
- iii. Meningkatkan kualiti data dengan sistem yang mampu mengesan kesilapan pungutan data serta merta di lapangan;
- iv. Memudahkan kerja-kerja pungutan data di lapangan;

4. Pendekatan metodologi

4.1 Kaedah pelaksanaan

Pemodenan kaedah pungutan data hanya melibatkan pungutan data bulanan dan mingguan di lima Jabatan Perangkaan Negeri seperti di bawah:-

- i. Selangor;
- ii. Wilayah Persekutuan;
- iii. Johor;
- iv. Perak; dan
- v. Pulau Pinang.

4.2 Kaedah analisis

Bagi tujuan kajian ini, Analisis Kos Faedah (*Cost Benefit Analysis*) dipilih bagi menentukan pulangan terbaik ke atas pelaburan pembelian *tablet*. Ini memandangkan teknik ini sesuai untuk projek yang melibatkan pelaburan yang agak besar pada peringkat awal pelaksanaan dan mendapat pulangan sepanjang tempoh hayat pelaksanaan projek.

4.3 Jadual pelaksanaan

Jadual perancangan pemodenan kaedah pungutan data bagi pungutan harga pengguna di JP Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Perak dan Pulau Pinang adalah seperti di Lampiran A.

4.3.1 Latihan Penggunaan Peranti Elektronik (Tablet) Dalam Pungutan Harga Pengguna

Beberapa siri latihan telah diadakan bagi memberikan pendedahan dan kemahiran kepada anggota di JP negeri supaya pelaksanaan PHP menggunakan *tablet* berjalan dengan lancar.

- i. Latihan *Training of Trainers* (ToT) telah diadakan pada 20-21 Januari 2015 bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM). Seramai 39 orang peserta hadir daripada JP Negeri berkaitan, BPHPP dan juga BPM.
- ii. Latihan dalaman di peringkat JP Negeri telah diadakan pada tarikh-tarikh berikut:-

| JP Negeri | Tarikh |
|---------------------|---------------------|
| Wilayah Persekutuan | 16-17 Februari 2015 |
| Johor | 25-26 Februari 2015 |
| Perak | 24-26 Februari 2015 |
| Pulau Pinang | 16-17 Februari 2015 |

Latihan di JP Negeri dikendalikan oleh pegawai dan anggota JP Negeri yang hadir ke Latihan ToT serta turut dibantu oleh pegawai-pegawai daripada BPHPP dan BPM (mengikut keperluan).

4.3.2 Pelaksanaan Pungutan Harga Pengguna menggunakan *Tablet*

Penetapan Dan Sasaran Pencapaian:

Sebagai permulaan pada Mac 2015, penetapan sebanyak 10 peratus (10%) *batch* daripada keseluruhan *batch* bagi JP Negeri hendaklah menjalankan pungutan harga menggunakan *tablet*.

Penetapan pada bulan-bulan seterusnya ditetapkan oleh JP Negeri dengan sasaran mencapai 100% pada Jun 2015. Jadual perancangan oleh JP Negeri adalah seperti Lampiran B.

5. Hasil dan rumusan

5.1 Hasil/Dapatan kajian

5.1.1 Sistem *CPI-Tablet*

Sistem *CPI-Tablet* yang dibangunkan merupakan satu sistem yang baik dan telah banyak memudahkan operasi Pungutan Harga Pengguna. Beberapa penambahbaikan juga telah dilakukan termasuk:-

- i. Mewujudkan semakan *error* (validasi) pada sistem bagi mengurangkan kesilapan yang berlaku dan melancarkan proses penyediaan fail;
- ii. Mewujudkan fungsi 'search' bagi item dan outlet untuk memudahkan carian;

- iii. Mewujudkan fungsi 'catatan' bagi outlet sekiranya terdapat sebarang masalah yang berlaku sebagai contoh: sekiranya outlet dibuka lewat, bertukar nama dan sebagainya;
- iv. Mewujudkan paparan bilangan item yang masih belum selesai pungutan harga bagi memudahkan perancangan kerja luar;
- v. Menyediakan manual penggunaan untuk memudahkan penyediaan fail;
- vi. Mewujudkan format untuk mengemaskini maklumat outlet seperti nama, alamat dan nombor telefon secara serta-merta di peranti elektronik ketika di lapangan; dan
- vii. Mewujudkan 'reminder' bagi item yang memerlukan gantian (setelah 3 bulan berturut-turut tiada harga).

5.1.2 Hasil Analisis Kos Faedah

Hasil analisis kos faedah mendapati berlaku penjimatan dari segi masa dan guna tenaga:

| PROSES | | Penyediaan Borang (2 kali setahun) | | | Tangkapan Data (bulanan) | | |
|---------------------|-------------|---------------------------------------|--------|------------|--------------------------|--------|------------|
| NEGERI | | BUKU PHP | TABLET | PENJIMATAN | BUKU PHP | TABLET | PENJIMATAN |
| SELANGOR | Masa | 5 hari | 2 hari | 3 hari | 2 hari | ½ hari | 1½ hari |
| | Guna Tenaga | 188 | 18 | 170 | 16 | 18 | +2 |
| WILAYAH PERSEKUTUAN | Masa | 3 hari | 1 hari | 2 hari | 1 hari | ½ hari | ½ hari |
| | Guna Tenaga | 59 | 19 | 40 | 16 | 3 | 13 |
| JOHOR | Masa | 5 hari | 2 hari | 3 hari | 2 hari | ½ hari | 1½ hari |
| | Guna Tenaga | 160 | 25 | 135 | 13 | 25 | + 12 |
| PULAU PINANG | Masa | 3 hari | 1 hari | 2 hari | 2 hari | ½ hari | 1½ hari |
| | Guna Tenaga | 67 | 8 | 59 | 9 | 8 | 1 |
| PERAK | Masa | 4 hari | 1 hari | 3 hari | 1½ hari | ½ hari | 1 hari |
| | Guna Tenaga | 113 | 19 | 94 | 28 | 19 | 9 |

Sementara itu, penjimatan dari segi penggunaan kertas, kod percetakan dan elauan kerja lebih masa mengikut negeri adalah seperti berikut:

KERTAS PELAPORAN

i. JP Negeri Selangor

| Bil. | Proses | Borang Pungutan Harga Pengguna | Samsung Tab 3 |
|------|--------------------------------|---|--|
| 1 | Penggunaan Kertas bagi cetakan | 60 rim (192 Batch) x RM8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM1,020 | 5 rim (192 Batch) x RM 8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM85 |
| 2 | Cetakan | 15 toner x RM463 = RM6,945 | 4 toner x RM = RM1,852 |
| 3 | Kerja Lebih Masa | 18 anggota x RM 36(4 jam) ¹ x 5 hari x 2 (2 kali setahun) = RM 6,480 | Tiada. |
| 4 | Tangkapan Data | 16 anggota x 8 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM10,368 | 18 anggota x 1 jam x RM6.75 ² x 1 hari x 12 bulan = RM1,296 |
| | JUMLAH KOS | RM24,813 | RM3,233 |

ii. JP Negeri Wilayah Persekutuan

| Bil. | Proses | Borang Pungutan Harga Pengguna | Samsung Tab 3 |
|------|--------------------------------|---|---|
| 1 | Penggunaan Kertas bagi cetakan | 10 rim x RM8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM170 | 2 rim x RM 8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM34 |
| 2 | Cetakan | 6 toner x RM463 = RM2,778 | 2 toner x RM 463 = RM926 |
| 3 | Tangkapan Data | 16 anggota x 3 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM3,888 | 18 anggota x 1 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM486 |
| | JUMLAH KOS | RM6,836 | RM1,446 |

iii. JP Negeri Johor

| Bil. | Proses | Borang Pungutan Harga Pengguna | Samsung Tab 3 |
|------|--------------------------------|---|---|
| 1 | Penggunaan Kertas bagi cetakan | 52 rim x RM8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM884 | 7 rim x RM 8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM119 |
| 2 | Cetakan | 15 toner x RM463 = RM6,945 | 4 toner x RM 463 = RM1,852 |
| 3 | Tangkapan Data | 13 anggota x 12 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM12,636 | 25 anggota x 1 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM2,025 |
| | JUMLAH KOS | RM20,465 | RM3,996 |

KERTAS PELAPORAN

iv. JP Negeri P. Pinang

| Bil. | Proses | Borang Pungutan Harga Pengguna | Samsung Tab 3 |
|------|--------------------------------|--|--|
| 1 | Penggunaan Kertas bagi cetakan | 9 rim x RM8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM153 | 4 rim x RM 8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM68 |
| 2 | Cetakan | 6 toner x RM463 = RM2,778 | 2 toner x RM 463 = RM926 |
| 3 | Tangkapan Data | 9 anggota x 8 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM5,832 | 8 anggota x 1 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM648 |
| | JUMLAH KOS | RM8,763 | RM1,642 |

v. JP Negeri Perak

| Bil. | Proses | Borang Pungutan Harga Pengguna | Samsung Tab 3 |
|------|--------------------------------|---|---|
| 1 | Penggunaan Kertas bagi cetakan | 33 rim x RM8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM561 | 3 rim x RM 8.50 x 2 (2 kali setahun) = RM51 |
| 2 | Cetakan | 12 toner x RM463 = RM5,556 | 2 toner x RM 463 = RM926 |
| 3 | Tangkapan Data | 28 anggota x 2 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM4,536 | 19 anggota x 1 jam x RM6.75 ² x 12 bulan = RM1,539 |
| | JUMLAH KOS | RM10,653 | RM2,516 |

Justeru, pelaksanaan pemodenan kaedah pungutan data menggunakan *tablet* dalam pungutan harga pengguna terbukti memberikan manfaat dari segi pengurangan kos, penjimatan masa dan guna tenaga. Penjimatan kos dianggarkan antara 75 hingga 87 peratus setahun bagi aktiviti pungutan harga pengguna di kelima-lima JP Negeri.

BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA, PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERANCANGAN PELAKSANAAN PEMODENAN KAEDAH TANGKAPAN DATA BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA (TABLET)
- FASA II (NEGERI SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN, JOHOR, PERAK DAN PULAU PINANG)

| Bil | PERKARA | TINDAKAN | PELAKSANAAN | STATUS | CATATAN | KEPERLUAN |
|-----|--|------------------------|--|--|--|---|
| 1 | Terima Tablet daripada pembekal | Vendor/BPM | 30 November 2014 | Selesai | | |
| 2 | Lantikan Ahli Pasukan Kerja Pemodenan Tangkapan Data Bagi IHP (TABLET) - Negeri WPKL, Johor, Perak dan Pulau Pinang. | BPHPP | Minggu pertama Disember 2014 | Selesai | | |
| 3 | Open Box – Semakan tablet oleh vendor dan BPM | Vendor/BPM | Minggu pertama Disember 2014 | Selesai | | |
| 4 | Instalasi Aplikasi dan pengujian sistem | BPM | Minggu kedua Disember (3 minggu) | Selesai | | |
| 5 | Penyediaan Manual Penggunaan Tablet | BPHPP/BPM/ JP Selangor | Disember 2014 | Modul 1: Selesai Modul 2: Selesai Modul 3: Selesai Modul 4: 90% | Modul 1: Instalasi Sistem CPI Tablet Modul 2: Penyediaan Data/Fail-fail Induk Modul 3: Penyelenggaraan Modul 4: Manual Tangkapan Data Modul 5: Penggunaan SIHP untuk Tablet Modul 6: SOP Kerja Luar (JP Selangor) | |
| 6 | Latihan Dalaman BPHPP/BPM | BPHPP/BPM | 7-8 Januari 2015 | 1. Penyediaan tentatif program mengikut topik dan penceramah 2. Penyediaan nota/bahan ceramah | Anggaran Peserta: BPHPP (10 orang) BPM (6 orang) JP Selangor (7 orang) | 1. Bilik Latihan Komputer 2. Instalasi SIHP di BLK 3. Tablet (Kuantiti) 4. Senarai Peserta 5. Makan Minum |
| 7 | Latihan ToT (Penyelia) JP Negeri | BPHPP/JP Selangor/BPM | Januari 2015 (20-21 Januari 2015) Cadangan di ILSM | Penyedian kertas kerja bagi memohon kelulusan Datuk KP | Anggaran Peserta: JP Johor (8) JP WPKL (4) JP Perak (6) JP P.Pinang (4) Ibu Pejabat () | 1. Bilik Latihan Komputer 2. Instalasi SIHP di BLK 3. Tablet (Kuantiti) 4. Senarai Peserta 5. Makan Minum |
| 8 | Penyediaan Ruang Penyimpanan Tablet (Rak dan Bilik berkunci) | JP Negeri | Januari 2015 | Dalam proses sub-waran kepada JP Negeri untuk perolehan Rak Tablet. Dijangka terima rak sebelum 31 Dis (bagi WPKL dan Selangor) dan minggu kedua Jan 2015 (bagi Johor, Perak dan PP) | Semak dengan JP Negeri - ketersediaan Lokasi Penyimpanan | Keperluan JP Negeri: 1. Bilik berhawa dingin 24 jam dan berkunci 2. Berdekatan dengan switch box/distribution box |
| 9 | Penyerahan Tablet ke JP Negeri | BPM/JP Negeri | Januari 2015 | | Bergantung dengan ketersediaan Bilik Simpanan dan Rak Tablet | |

| Bil | PERKARA | TINDAKAN | PELAKSANAAN | STATUS | CATATAN | KEPERLUAN |
|-----|---|--------------------------------|---------------------|--------|---|-----------|
| 10 | Latihan Pegawai Kerja Luar di JP Negeri | Penyelia/BPHPP/BPM/JP Selangor | Februari 2015 | | Dilaksanakan oleh JP Negeri BPHPP/BPM/JP Selangor sebagai pakar rujuk dan hadir untuk pemantauan | |
| | - WPKL | | 16-17 Februari 2015 | | Tarikh tertakluk kepada persetujuan JP Negeri - perlu dilaksanakan pada Februari 2015 | |
| | - Johor | | 23-24 Februari 2015 | | | |
| | - Perak | | 16-17 Februari 2015 | | PHP Februari 2015: 9-10 Feb 2015 PHP Mac 2015: 9-10 Mac 2015 | |
| | - Pulau Pinang | | 23-24 Februari 2015 | | | |
| 11 | Pungutan Harga Pengguna menggunakan Tablet (<i>Parallel run</i>) – berperingkat | JP Negeri | Mac – Jun 2015 | | Cadangan: Dimulakan sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah batch (Batch bulanan) Sasaran: Jun telah capai 100% | |
| 12 | Pemantauan selepas PHP Bulanan | BPHPP/BPM | Mac – Jun 2015 | | | |

PERANCANGAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN TABLET DALAM PUNGUTAN HARGA PENGGUNA

i) Sasaran : Penggunaan 100% Tablet dalam Pungutan Harga Pengguna pada Jun 2015 di 4 JP Negeri (WPKL, Johor, Perak dan Pulau Pinang)

ii) Pelaksanaan pada Mac hendaklah sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah batch di JP Negeri menjalankan PHP menggunakan Tablet

| Negeri | Pejabat | Jumlah Batch | | Bilangan Batch | | | | | | | | Catatan |
|--------------|-----------------------------|--------------|----------|----------------|----------|---------|----------|---------|----------|---------|----------|---------|
| | | | | Mac | | April | | Mei | | Jun | | |
| | | Bulanan | Mingguan | Bulanan | Mingguan | Bulanan | Mingguan | Bulanan | Mingguan | Bulanan | Mingguan | |
| WPKL | WPKL | 42 | 6 | 5 | - | 11 | 3 | 13 | 3 | 13 | - | |
| | PO Putrajaya | 10 | 1 | 1 | - | 3 | 1 | 3 | - | 3 | - | |
| | JUMLAH | 52 | 7 | 6 | 0 | 14 | 4 | 16 | 3 | 16 | 0 | |
| JUMLAH BESAR | | 59 | | 6 | | 18 | | 19 | | 16 | | |
| KUMULATIF | | 59 | | 6 | | 24 | | 43 | | 59 | | |
| JOHOR | Johor Bahru | 129 | 21 | 15 | - | 22 | 8 | 51 | 9 | 41 | 4 | |
| | PO Muar | 54 | 6 | 6 | - | 10 | 2 | 20 | 4 | 18 | - | |
| | PO Kluang | 32 | 2 | 4 | - | 6 | 1 | 12 | 1 | 10 | - | |
| JUMLAH | | 215 | 29 | 25 | 0 | 38 | 11 | 83 | 14 | 69 | 4 | |
| JUMLAH BESAR | | 244 | | 25 | | 49 | | 97 | | 73 | | |
| KUMULATIF | | 244 | | 25 | | 74 | | 171 | | 244 | | |
| PERAK | Ipoh | 78 | 14 | 13 | - | 22 | - | 23 | 10 | 20 | 4 | |
| | PO Taiping | 19 | 5 | - | - | 7 | - | 5 | 5 | 7 | - | |
| | PO Teluk Intan | 17 | 2 | - | - | 7 | - | 4 | 2 | 6 | - | |
| JUMLAH | | 114 | 21 | 13 | 0 | 36 | 0 | 32 | 17 | 33 | 4 | |
| JUMLAH BESAR | | 135 | | 13 | | 36 | | 49 | | 37 | | |
| KUMULATIF | | 135 | | 13 | | 49 | | 98 | | 135 | | |
| PULAU PINANG | Pejabat Negeri ¹ | 52 | 16 | 4 | - | 25 | - | 12 | - | 11 | 16 | |
| JUMLAH | | 52 | 16 | 4 | 0 | 25 | 0 | 12 | 0 | 11 | 16 | |
| JUMLAH BESAR | | 68 | | 4 | | 25 | | 12 | | 27 | | |
| KUMULATIF | | 68 | | 4 | | 29 | | 41 | | 68 | | |

* Pelaksanaan penggunaan Tablet bagi Mac 2015 hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah keseluruhan batch

* Pelaksanaan penggunaan Tablet bagi bulan-bulan seterusnya adalah bertakluk kepada perancangan JP Negeri dengan sasaran adalah 100% penggunaan Tablet dalam PHP pada Jun 2015

¹Kesemua batch di Pulau Pinang diuruskan oleh Ibu Pejabat JP Pulau Pinang